



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMBALAS MEDIA

PENERIMA BIPK SEDIA ADA TIDAK TERJEJAS DENGAN PEMANSUHAN BIPK PADA 1 JANUARI 2020

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin memberikan penjelasan kepada maklumat yang tular di media sosial berkaitan pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK).

1. BIPK mula diperkenalkan semasa Sistem Saraan Baru (SSB) pada tahun 1992. Secara prinsipnya, tahap kritikal sesuatu perkhidmatan itu akan berubah mengikut keadaan dan keperluan berdasarkan kepada penawaran dan permintaan sesuatu disiplin perkhidmatan dalam pasaran semasa. Ini bermakna bahawa sesuatu perkhidmatan kritikal itu boleh berubah menjadi kurang kritikal dan juga sebaliknya. Atas hakikat ini, kajian dan penilaian teliti yang berterusan adalah perlu bagi pelaksanaan Perkhidmatan Kritikal.
2. Selaras dengan laporan SSB itu juga, kajian mengenai BIPK secara berterusan hendaklah dilaksanakan setiap lima (5) tahun bagi menentukan kewajaran pemberiannya. Dari segi prinsipnya, **pemberian BIPK adalah tidak kekal** serta **boleh ditarik balik** apabila skim-skim perkhidmatan berkenaan tidak lagi kritikal.
3. Setelah BIPK dilaksanakan selama 27 tahun, kajian BIPK telah dilaksanakan hanya sebanyak tiga (3) kali iaitu pada tahun 1997, tahun 2001 dan yang terakhir ialah pada tahun 2007. Selepas semakan kali terakhir pada 2007 tersebut, kajian terbaharu dilaksanakan pada 2019 dan didapati kesemua 33 skim perkhidmatan yang diperuntukkan dengan BIPK tidak lagi menepati kriteria pemberian asal BIPK iaitu **skim-skim perkhidmatan berkenaan tidak lagi kritikal** kerana tidak lagi memenuhi kriteria **ciri-ciri penawaran yang rendah** serta pengisian **jawatan yang sukar dilakukan**.
4. Pelaksanaan pemansuhan ini hanya melibatkan **pelantikan baharu sahaja yang dilantik mulai 1 Januari 2020. Penerima BIPK sedia ada tidak terjejas dalam urusan pemansuhan ini** dan akan terus menikmati

pembayaran BIPK secara Khas Untuk Penyandang (KUP) mengikut kadar sedia ada yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 sehingga meninggalkan perkhidmatan.

5. Bagi pegawai yang berkhidmat secara kontrak, sekiranya tarikh tamat kontrak dan pelantikan semula melalui kontrak baharu pegawai adalah secara terus-menerus dan tidak terputus tempoh perkhidmatannya, maka pegawai masih layak untuk terus menerima BIPK dalam perkhidmatan kontraknya.
6. Walaupun beberapa elaun termasuk BIPK telah dimansuhkan, kajian elaun sentiasa dilaksanakan secara berterusan dari semasa ke semasa oleh JPA dan Kerajaan masih mempertimbangkan pemberian elaun jika terdapat mana-mana skim perkhidmatan/ disiplin tertentu yang memenuhi kriteria pemberian elaun yang ditetapkan. Diharapkan penjelasan ini dapat memberikan gambaran sebenar tentang pelaksanaan BIPK kepada anggota perkhidmatan awam yang terlibat dan seterusnya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada rakyat.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 25 Disember 2019
Tel : 03 - 8885 3096/ 3088/ 3146
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (75)